

Dualisme: Ekspresi Kendiri Melalui Eksplorasi Seni Arca

Dualism: Self-Expression Through The Exploration of Sculpture

Baharim Samuri

Universiti Teknologi MARA, Melaka

baharim@melaka.uitm.edu.my

Mohd Fauzi Sedon @ M. Dom

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak

Abstrak

Kajian ini meneliti aspek dualisme pada pernyataan kendiri (ekspresi) dalam media sosial menerusi eksplorasi karya seni arca. Aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia boleh dilihat melalui bagaimana mereka menjalani rutin sehari-hari dengan gaya dan amalan kehidupan oleh seseorang. Pernyataan ekspresi diri ini boleh berlaku melalui pelbagai cara, sama ada perlakuan kehidupan sebenar ataupun melalui perlakuan mereka menggunakan media teknologi di laman-laman sosial secara maya. Dalam kehidupan yang dilalui, perlakuan secara tidak langsung dipengaruhi oleh pertemuan antara budaya tradisi dan moden, pertembungan antara satu budaya setempat dengan budaya luar dan perubahan-perubahan semasa yang dialami. Adakah terdapat konflik dan secara sedar ataupun tidak berlaku pertembungan antara dua perkara ketika menjalani kehidupan tersebut. Melalui subjek yang diperolehi dalam sumber laman sosial *Facebook*, kajian ini melihat perlakuan individu yang dilihat dalam medan pergaulan sosial masyarakat mengikut tren terkini. Melalui *Facebook*, pelbagai luahan ekspresi terlihat melalui pelbagai aspek penampilan seperti pemaparan gambar dan foto, ekspresi melalui perkataan seperti komen dan mesej serta paparan-paparan lain dalam aplikasi. Penyelidikan ini membuka potensi ekspresi yang diterjemah melalui eksplorasi medium bahasa visual iaitu persembahan seni arca. Ia dapat memberi satu cadangan interpretasi pada proses dan hasil yang didapati terhadap aspek ekspresi dan pembentukan personaliti diri. Melalui persembahan karya yang dihasilkan dengan tema dualisme ekspresi ini, ia memberikan satu persepsi tentang fenomena yang berlaku dan ia adalah cerminan realiti yang sebenar dalam kehidupan kini. Akhirnya pernyataan ekspresi dan luahan kendiri ini berupaya menerangkan tentang keadaan individu yang menjadi kumpulan masyarakat dan menjadi transformasi budaya masyarakat setempat.

Kata Kunci dualisme, ekspresi, laman sosial, personaliti

Abstract

This paper studies the dualism expression in the social media through the sculpturing exploration. The expression phenomena as it appears on the media, portrays an array of characters of its users. Personality is the common impression that is visually perceived in social networking activities especially in Facebook. It appears as an expression that features through photographs, digital images, texts and video, which are located in the profile data, photo albums, messages, comments and link file programs. Through participating in this networking activity the social trends progress merge with the Internet culture of the society. The trend is developed along in the daily activities in the network, which most people consider as fun, joyful and view it as a borderless global communication. Everybody sets their own world in the communication process supported by easy access to technology. The data for this study particularly focussed sources from Facebook activities and supported with the personality theory, and referred artist such as Rook Floro, Kumi Yamashita, Julie Simmons and Fred Eerdekkens, Tim Noble and Su Webster to understanding personality expression characters through the visual language. The process will examine in detail the theme and will identify the manipulation material and techniques of the sculptures to understand the multiple personality in a person's behavior, portrayed as an interesting sensation caused by social networking activities. The impression will highlight a new trend in society and show a greater understanding of the nature of complexity, on our understanding of ourselves, our co-existence with the surrounding, our future culture and technology development.

Keywords dualism, expression, social media, personality

PENGENALAN

Penyelidikan ini menerokai aspek dualisme pada ekspresi kendiri oleh individu masyarakat menerusi pemerhatian di dalam aplikasi media sosial *Facebook*. Melalui subjek gaya dan personaliti pengguna di dalam jaringan maya ini, kita dapat melihat pelbagai ragam individu yang meluahkan perasaan secara terbuka. Secara amnya, ekspresi seseorang adalah suatu fitrah tabie yang lumrah menjadi ragam dalam kehidupan. Ia adalah satu perlakuan atau tindak balas normal untuk meluahkan sesuatu menerusi sesuatu kaedah yang tertentu, seperti menyatakan suatu perkara menerusi perkataan. Luahan itu menjadi maklumat yang dapat dikongsi dari hasil manifestasi emosi, perasaan dan mood yang dilahirkan dalam bentuk yang nyata dan dapat dilihat, didengar dan dirasakan melalui pelbagai cara penghasilannya.

Memang diakui ekspresi diri adalah sesuatu yang sukar diterjemahkan secara tepat kerana sifatnya yang subjektif dan memerlukan pengalaman tertentu untuk mentafsirnya. Ekspresi dari perasaan yang lahir dengan sifat intuisi dalaman ini, sudah tentu memerlukan sesuatu kaedah dan pengetahuan tentang analogi simbol tertentu untuk menterjemah luahan ekspresi tersebut. Penyelidikan yang memfokuskan kepada ekspresi yang mempunyai aspek dualiti ini adalah suatu keadaan yang lebih mudah tafsirannya iaitu sesuatu yang mempunyai dua karektor yang berbeza dalam satu masa seperti gabungan sedih dan gembira, tenang dan bergelora dan sebagainya.

Konsep ekspresi dalam seni visual adalah sesuatu yang mempunyai perkaitan yang tersendiri. Kita sering melihat seni dijadikan bahan-tara untuk meluahkan ekspresi perasaan diri seseorang. Pelbagai pilihan boleh dijadikan medium sama ada luahan di atas permukaan kanvas sebagai catatan atau lukisan, malah melalui persembahan arca untuk menyatakan ekspresi tertentu. Dengan lain pengertian ekspresi boleh dilakukan melalui pelbagai daya tatabahasa visual pada karya seni tersebut. Ia boleh digambarkan melalui penggunaan bahan, cara ataupun teknik penghasilan dan penampilan karya tersebut secara tampak diakhir persembahannya. Di dalam catatan ekspresi itu boleh dilihat melalui penampilan warna, kesan sapuan berus, format, komposisi dan imej itu sendiri yang menjadi pengukur untuk mendapatkan ekspresi tertentu yang diinginkan. Tema dualisme dalam sesuatu karya adalah satu cabaran kerana luahan perasaan untuk dikongsi dan difahami oleh orang lain dalam konteks seni adalah sukar jika ia tidak diluahkan mengikut cara yang paling efektif. Kadangkala seni bertindak sebagai komunikasi yang paling tepat untuk menyatakan ekspresi perasaan tersebut walaupun ia disampaikan sekadar menggunakan maklumat tampak yang sangat ringkas. Ini mungkin bertepatan dengan perumpamaan satu gambar dapat memberikan sejuta pengertian dan keadaannya yang sangat istimewa dalam keupayaan penampilannya. Ia adalah suatu potensi bahawa karya dapat memberikan hasil yang lebih tepat untuk menggambarkan ekspresi perasaaan tersebut.

Dalam pengkajian ini, fenomena di dalam media sosial *Facebook* yang digunakan oleh pengguna sebagai medan berekspresi secara tidak langsung menggambarkan personaliti diri. Pengkaji melihat bagaimana aspek ini boleh diterjemah kepada bahasa tampak melalui proses penghasilan karya seni arca dan menekankan konsep dualisme pada persembahannya. Eksplorasi pada penghasilan kesan cahaya dan bayang pada arca yang diterokai digunakan untuk memberi gambaran aspek dualisme yang menjadi ekspresi personaliti seseorang. Melalui kaedah ini, ekspresi dapat dieksperimentasi untuk mempunyai karektor dan sifat keunikan mengikut tatabahasa yang tersendiri. Bahan yang digunakan mungkin akan memberikan potensi sifat tertentu seperti bahan logam yang bersifat kuat dan keras, manakala fabrik sebagai sifat lembut dan halus manakala bayang-bayang dapat memberi pengertian yang lebih dominan sebagai aspek kedua pada arca yang dipersembahkan. Antara objek dan bayang memberi sifat dua karektor yang berkait walaupun mempunyai persembahan yang berbeza.

Ekspresi

Menurut Taylor (1976), ekspresi membawa maksud pengucapan, pencurahan perasaan, rasa hati yang dilahirkan melalui tutur kata, reaksi muka, imej visual dan reaksi fizikal seperti pergerakan tangan, kaki dan badan atau keseluruhan anggota. Apabila kita meneliti aspek ekspresi kendiri, kita sebenarnya membicarakan hal personaliti individu. Personaliti yang menjadi teras kepada pembentukan pemikiran dan cara hidup budaya masyarakat tersebut bukan setakat suatu perlakuan atau tindak balas menerusi kaedah tertentu, tetapi ia boleh diluahkan sama ada menerusi perkataan, gaya dan penampilan yang dilahirkan dalam bentuk nyata dan tersirat. Ekspresi seseorang melalui suatu tindak balas secara semulajadi terhadap persekitaran lokal di sekelilingnya boleh digayakan dalam interpretasi seni visual. Ia mencerminkan pengucapan idea melalui

gambaran imej menerusi pemikiran perasaan dan emosi seseorang individu. Ia juga menyatakan hasil daripada interaksi dengan persekitaran, antara individu dengan individu yang lain ataupun masyarakat, peristiwa ataupun benda di sekelilingnya.

Menurut pendapat Gordon Willard Allport, (1961), '*Personality is a dynamic organization, inside the person, of psychophysical systems that create the person's characteristic patterns of behavior, thoughts and feelings.*' Secara tidak langsung ekspresi yang dilakukan oleh individu menjadi personaliti yang menggambarkan kelakuan, pemikiran dan perasaan seseorang. Ini bermaksud ekspresi atau luahan yang dilakukan oleh seseorang menjadi karektor personaliti secara tidak langsung.

Personaliti

Dalam psikologi, personaliti ditakrifkan sebagai himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik untuk seseorang. Personaliti juga berkait rapat dengan tindak-tanduk seseorang yang ingin menzahirkan ciri-ciri kawalan emosi dan pemikiran. Personaliti memainkan peranan penting kepada seseorang sebagai sudut pandangan luaran serta memainkan peranan sebagai cerminan karektor diri. Sehubungan itu, ia menjelaskan bahawa rupa diri dapat diukur dari dalam dan boleh dizahirkan pada luaran. Dalam psikologi, Teori *The Big Five* merupakan lima faktor umum atau dimensi ciri personaliti yang dijumpai melalui kajian-kajian yang lalu. Secara umumnya ciri-ciri personaliti seseorang individu dibahagikan kepada 5 sifat yang asas iaitu mengikut suatu konsep iaitu, konsep *Openness to Experience* - mempunyai sikap terbuka, *Conscientiousness* - mempunyai kesedaran, *Extrovert* - bersifat sosial (suka bergaul), *Agreeable* - berpendapat sama (senang mencapai persetujuan) dan *Neurotism* - bersifat neurotik (emosi). Melalui teori ini kita dapat melihat bagaimana percampuran ciri-ciri ini terbentuk dan potensi perkongsian serta pertembungan itu boleh berlaku kepada diri seseorang. Dalam pengkajian dualisme melalui karya, karektor individu dilihat dengan ciri-ciri seperti dalam teori ini. Ia memberikan indikator tentang sifat personaliti dan bagaimana ia dilakukan melalui media laman sosial. Melalui ekspresi tersebut kita dapat melihat bagaimana teknologi telah memainkan peranan kepada perlakuan individu.

Antara perkara yang boleh mempengaruhi perubahan dalam personaliti kehidupan adalah aspek teknologi dan cara hidup moden dengan inovasi komputer serta alam siber. Sebagaimana menurut Alder (1948) personaliti adalah gaya hidup seseorang, menunjukkan bahawa penampilan seseorang itu boleh dilihat dari aspek kehidupannya. Kehidupan masyarakat adalah persekitarannya yang merangkumi pembangunan persekitarannya, kemodenan dan teknologi. Penampilan gaya hidup masyarakat pada zaman ini telah menjadikan kelompok-kelompok masyarakat mengikut taraf sosioekonomi. Bagi masyarakat kampung suasana rumah di kampung, kebun dan hutan, pokok-pokok adalah alamnya berbanding dengan suasana di bandar yang padat dengan susunan bangunan, deretan kereta dan kesibukan kota. Hal ini ada kaitannya dengan personaliti yang ditonjolkan oleh masyarakat yang mempunyai ciri dan gaya tertentu sehingga mereka boleh dikelaskan mengikut taraf dan gaya hidup. Sebahagian masyarakat hidup dengan kemewahan dan bebas manakala sebahagian lagi mempunyai taraf hidup yang serba kekurangan dan tradisi. Segalanya memberikan kepada mereka

status yang membezakan penampilan material seperti rumah banglo yang berharga jutaan ringgit malah kepada perkara yang digunakan secara sehari-hari seperti kenderaan, peralatan dan perhiasan.

Trend status personaliti ini adakalanya mempunyai dua nilai yang berbeza dalam pembentukan kehidupan itu sendiri. Ia berlaku dalam amalan kehidupan sehari-hari malah wujud dalam perlakuan komunikasi mereka laman-laman sosial. Melalui dualiti identiti ini pengkaji memberi fokus kepada fenomena yang berlaku kepada masyarakat. Ia menjadi faktor yang menyumbang kepada pembentukan budaya masyarakat itu sendiri dan ia dibuktikan melalui perlakuan pengguna dalam komunikasi di dalam jaringan laman sosial.

Media Sosial

Persekitaran yang wujud akan membentuk pemikiran dan kefahaman masyarakat mengenai kehidupan pada masa tersebut. Dalam suasana sekarang, kehidupan masyarakat tidak dapat terpisah dengan komunikasi dan penyampaian dengan cara teknologi dan media terkini melalui laman sosial. Hal ini termasuklah berkaitan dengan cara ekspresi kendiri yang berlaku dalam komunikasi dengan pelbagai cara dalam laman sosial. Micheal Kimmel & Amy Aronson (2012) menjelaskan;

'Material culture includes the environment we inhabit and the tools we develop to survive in it. Those tools are the level of technology. We organize our societies to enable us to collectively meet these basic subsistence needs for food, clothing and shelter. We develop different cultures based on the climate, the available food supply, and the geography of our environment.'

Komunikasi ekspresi kendiri ini boleh sahaja dilihat pada perkara yang objektif pada kebendaan yang dihasilkan oleh masyarakat tersebut. Walaupun ia bersifat konsep dan subjektif oleh individu dalam persekitarannya, ia adalah reaksi terhadap kehidupan dengan cara penampilan gaya hidup yang tersendiri. Secara tidak langsung ekspresi kendiri memberi peranan yang sangat khusus sebagai simbol dan ciri-ciri yang mencerminkan sosio masyarakat tersebut. Micheal Kimmel & Amy Aronson (2012) juga menambah;

'As humans wrestle with the meaning of their material environment, we attempt to represent our ideas to others. We translate what we see and think into symbols. A symbol is anything – an idea, a marking, a thing – that carries additional meaning beyond itself to others who share in the culture. Symbols come to mean what they do only in a culture; they would have no meaning to someone outside... Symbols are representations of ideas or feelings.'

Kehidupan itu sendiri secara tidak langsung menjadi simbol kepada perasaan dan personaliti diri. Ia berlaku secara spontan dalam media sosial tanpa had masa dan ruang lingkup kumpulan. Malahan ia telah menjadi amalan dan budaya sehari-hari sebagaimana yang dijelaskan oleh Glenn G. Sparks (2006);

'Computers and the World Wide Web have certainly change the way we behave in many domains. People shop online, trade stock online, get their news online, initiate friendship online, and so forth.'

Persekutuan moden dan teknologi dalam bentuk media yang bercirikan elektronik dan secara siber adalah suatu medium paparan budaya yang baru. Dalam media sosial, kita dapat melihat suatu aspek yang lebih besar iaitu berkaitan dengan kehidupan manusia dan perkembangan tamadun sesuatu bangsa. Justeru itu karektor-karektor ekspresi kendiri yang terbina adalah personaliti yang memaparkan pencapaian dan memberi makna yang tertentu. Melalui aspek materialisme ataupun non-materialisme, pernyataan ekspresi kendiri menyediakan bahan yang membolehkan kita mendalamai sesuatu budaya dan bangsa itu sendiri. Menurut pelopor budaya materialisme Marvin Haris (1979);

'Cultural materialism is the strategy I have found to be most effective in my attempt to understand the causes of differences and similarities among societies and cultures. It is based on the simple premise that human social life is a response to the practical problems of earthly existence...'

Dalam personaliti dan perwatakan akan terbina keadaan fizikal yang ditampilkan oleh diri seseorang dan juga dibentuk oleh faktor-faktor lahiriah yang lain. Dalam aspek ini, perwatakan yang ditonjolkan kadangkala berkait dengan persekitaran dan material peribadinya.

Dalam komunikasi melalui media sosial *Facebook*, kita dapat mengenalpasti ekspresi kendiri berlaku dalam bentuk pernyataan visual iaitu fotografi yang sering digunakan untuk menjadi pengenalan diri dalam berkomunikasi. Foto diri ini disampaikan sama ada digambarkan menerusi potret foto, memori foto, videografi atau dokumentasi foto yang diutarakan secara terus kepada rakannya atau umum. Gambaran foto diri ini adalah pernyataan dari individu yang ingin berkomunikasi menggunakan cara terus sebagai pengenalan diri. Melalui imej yang dipaparkan kita dapat melihat ekspresi wajah, gaya pakaian atau keadaan persekitaran yang menjadi latar belakang pada foto tersebut. Kebiasaan tujuan mereka adalah untuk memberitahu kepada orang lain yang melihat gambar tersebut tentang apa rupa dan gaya mereka, apa yang sedang mereka lakukan, apa yang mereka sedang gayakan, dan secara tidak langsung berlaku komunikasi dan persepsi pada orang lain yang melihat. Melalui proses ini penampilan untuk menyatakan ekspresi kendiri akan berlaku dan memperlihatkan personaliti pada orang yang ingin berkongsi maklumat. Menurut Micheal Kimmel & Amy Aronson (2012);

'Symbolic interactionism examines how an individual's interactions with his or her environment – other people, institutions, ideas – help people develop a sense of "self". The "symbolic" part was the way we used symbol system – like language, religion, art or body language and decoration – to navigate the social world.'

Melalui foto diri, penampilan perwatakan bukan setakat melalui imej visual pada ekspresi wajah dan gaya fesyen pakaian, tetapi meliputi juga pada paparan penggunaan

aksesori seperti jam tangan, kasut, sehingga kepada peralatan peribadi seperti telefon, beg dan sebagainya. Peralatan dan material peribadi ini juga menjadi indikator kepada perwatakan seseorang di samping keadaan fizikal individu. Dari elemen pakaian, kita dapat mengenali perwatakan personaliti seseorang untuk menentukan sejarah, bangsa atau lokaliti individu tersebut. Dengan penampilan pakaian itu juga kita mengenali mereka dengan cara hidup yang diamalkan dalam zamannya. Pakaian biasanya mempunyai fesyen yang menentukan zaman atau reka corak dan fabrik yang digunakan adalah cerminan perkembangan teknologi semasa. Perwatakan fizikal bukan sahaja disesuaikan dengan jantina seseorang sama ada lelaki atau perempuan, tetapi ia juga dibangunkan dengan peranan individu tersebut dalam kedudukannya dalam institusi. Penampilannya juga memberikan status umur dan kedudukannya dalam status keluarga dan masyarakat. Penampilan-penampilan material ini sebenarnya menjelaskan personaliti kepada individu tersebut.

Namun demikian, dalam satu keadaan ada juga maklumat yang disampaikan mempunyai pelbagai maksud, pelbagai gambaran dan pelbagai tanggapan. Kadangkala maklumat yang dipaparkan membawa maksud dan menjelaskan bahawa mereka mempunyai dualiti personaliti yang berbeza. Dua karektor boleh berlaku dalam satu foto maklumat yang ingin dikongsikan. Simtom dualiti personaliti yang digambarkan oleh seseorang individu boleh dilihat secara langsung mahupun tidak langsung. Ia adalah sesuatu fenomena yang mempunyai kaitan serta membawa maksud yang tersendiri.

Personaliti seringkali menjadi perhatian sama ada mendapat reaksi biasa dari masyarakat, malah menjadi sensasi apabila watak yang dipamerkan terkeluar dari norma masyarakat. Perwatakan yang menonjol akan terjadi disebabkan keadaan dan situasi mengikut naluri semulajadi ataupun kerana tekanan dan desakan. Dari faktor ini, dualiti personaliti juga boleh kita lihat dari aspek penampilan yang menterjemah dua karektor dalam satu gaya perwatakan.

Selain dualiti penyataan kendiri dalam bentuk foto dalam media sosial ia juga boleh diluahkan melalui teks dan mesej. Komunikasi ini boleh sahaja berlaku secara intrapersonal, interpersonal mahupun secara mass komunikasi. Komunikasi ini bukan sahaja berlaku secara bersahaja dan terbuka tetapi juga melalui secara tersurat pengembangannya yang jauh melangkaui di alam siber dan membolehkan seseorang berkomunikasi secara tersirat. Menurut Greame Burton (2007); '*Media texts intend to engage people, to convey some kind of information, and to produce reaction in their audiences which justify their continuing production*'. Cara penyampaian sama ada dalam bentuk perkataan teks dalam sebenarnya akan wujud fakta, persepsi, atau matlamat yang secara tidak langsung dikongsi oleh anggota masyarakat secara lokal ataupun melangkaui sempadan global. Secara tidak langsung teks dan mesej yang diluahkan adalah penyataan ekspresi kendiri yang mencerminkan keperibadian pada personaliti itu sendiri. Kelangsungan dengan perwatakan yang dibawa oleh individu dalam masyarakat, mereka sebenarnya membawa bersama sifat-sifat dalaman yang menjadi petunjuk kepada keperibadiannya. Menurut Greame Burton (2007); '*What we call 'the text' is not given thing with given meaning. It means different things to different people at different times*' Ciri-ciri ekspresi ini membawa interpretasi yang berbeza kepada orang yang menerima malah boleh menimbulkan ciri dualiti personaliti. Ia boleh

membawa mesej yang keluar dari kebiasaan dan membawa makna yang berlawanan dari kebiasaan. Personaliti yang ditonjolkan dalam komunikasi begini memperlihatkan pelbagai penerimaan malah sukar dinilai. Apa yang dinyatakan mungkin tidak menggambarkan keadaan sebenar. Ia membawa persepsi yang pelbagai dan memberi tanggapan yang kadangkala memberi kesan nilai tertentu kepada masyarakat.

Dualisme Tradisi dan Moden

Dalam kehidupan memang sering berlaku pertembungan baik dari dalam budaya itu sendiri maupun dari luar. Pertembungan budaya ini kadangkala berlaku bila peredaran masa menyebabkan pembaharuan sepetimana teknologi yang digunakan dalam kehidupan seharian. Pada satu ketika budaya akan mengalami situasi asimilasi dan adaptasi terhadap perkara yang baru. Dalam situasi ini pelaku budaya dalam masyarakat akan mengalami situasi yang lebih kompleks kerana ia mungkin mengalami kejutan budaya serta kekeliruan dalam proses peralihan memahami budaya yang baru. Secara tidak langsung mereka akan mewujudkan sifat-sifat dualisme dalam kehidupan mereka. iaitu situasi yang mana amalan tradisi diamalkan dan dalam masa yang sama turut melakukan amalan moden. Adaptasi ini berlaku kerana itu adalah sifat budaya apabila ia mengalami perkembangan.

Perlakuan-perlakuan individu dalam masyarakat tersebut secara tidak langsung akan melalui satu perubahan. Banyak perkara akan terpengaruh, meliputi aspek-aspek perlakuannya dan cara kehidupannya. Gaya penampilannya juga akan dipengaruhi baik secara sedar ataupun tanpa disedari. Kehidupan bersifat kompleks dan mempunyai pola-pola struktur yang memberikan identiti dan ciri-ciri yang menjadi pengenalan kepada kelompok masyarakat tersebut. Keadaan tersebut akan dikenalpasti melalui hasil dan ekspresi yang dipaparkan oleh golongan masyarakat tersebut. Ada yang bersifat jelas identitinya yang hanya merujuk kepada budaya suatu kelompok yang khusus namun ada juga yang bersifat antara dua budaya. Keadaan ini disebabkan oleh konflik pertembungan yang menjadikan potensi sifat dualisme dalam budaya tersebut. Keadaan ini juga boleh dibuktikan melalui pernyataan atau ekspresi pelaku-pelaku dalam kelompok ahli dalam budaya tersebut.

Dualisme dalam Karya

Dualisme yang berasal dari perkataan latin iaitu ‘duo’ memberi pengertian dua iaitu bahagian sesuatu terpisah kepada dua perkara, bahagian atau bentuk. Pengertian asalnya adalah untuk menerangkan sesuatu yang mempunyai dua bahagian, dan pemaknaannya sering berkisar dalam tafsiran falsafah dualiti. Antara yang sering diperkatakan adalah dualisma moral yang merujuk kepada konflik pasangan perkataan baik dan jahat, fizikal dan mental, dan yang terkenal dalam falsafah Cina iaitu Yin dan Yang. Dualisme juga memang boleh juga membawa pengertian kewujudan dua elemen iaitu fizikal dan spiritual dan ia boleh diluahkan dengan pelbagai cara penampilan di dalam karya seni visual.

Tema dualisme dalam karya seperti arca yang dikenali sebagai objek tiga dimensi, dihasilkan menggunakan bahan seperti logam, kayu, kaca, fiber, tanah liat atau sebagainya dengan proses dan teknik-teknik tertentu. Ia dipersembahkan dengan

pelbagai gaya seperti instalasi, digantung, timbulan atau berdiri bebas di dalam ruang galeri atau ruang terbuka. Proses menghasilkan karya akan bergantung kepada peranan bahan, cara penghasilan membentuk persembahan visual dan yang paling penting adalah berkaitan mesej yang hendak disampaikan. Melihat sesuatu hasil karya dan membaca makna bukan sahaja penting ditentukan dari sudut mana kita melihat objek tersebut tetapi juga dari sudut persepsi yang tertentu yang digunakan oleh orang yang melihat. Ketika membuat suatu observasi kepada suatu karya kita akan melihat kepada dua aspek iaitu aspek formalistik iaitu bentuk lahiriah dan aspek penceritaan dari penggunaan imej, simbol dan penggunaan elemen dan prinsipal yang membawa makna tertentu mengikut kontek dan konsepnya.

Dalam pengkajian ini persembahan formalistik menekankan tiga perkara utama iaitu bentuk karya, cahaya dan kesan dari persembahan tersebut iaitu bayang-bayang. Aspek persekitaran, aspek teknikal yang terhasil dan aspek cahaya memainkan peranan penting untuk memberi impak kepada bentuk tiga dimensi persembahan arca ini. Ramai pengarca mengakui keperluan cahaya, setidak-tidaknya ia akan bertindak sebagai unsur untuk menjadikan arca itu jadi nyata secara visual. Sama ada kebergantungan cahaya itu serius akan ditentukan oleh pengarca sama ada menjadikan cahaya suluh dari dalam galeri sebagai sumbernya, atau cahaya dari matahari sebagai aspek yang digunakan. Ada juga yang menggunakan cahaya tersebut untuk membantu persembahan arca agar dapat menyampaikan maksud yang hendak dikongsi. Tetapi ada juga pengarca yang menggunakan cahaya tersebut sebagai fokus yang paling utama kerana karyanya adalah berkaitan tentang objek dan bayang.

Bagi pengarca yang menggunakan bentuk dan bayang sebagai persembahan utama sudah tentu akan menjadikan sumber cahaya itu sebagai aspek yang perlu diambil kira agar perancangan pada karyanya dapat dicapai dan karyanya juga dapat berkomunikasi dengan baik dalam persebahannya. Sebagaimana cahaya itu jatuh pada objek ia akan memberi kesan kepada bayang yang terhasil, dan ia akan menjadi penentu bayang sebagaimana yang dikehendaki agar penceritaan dan pemaknaan dicapai oleh pengarca.

Penggunaan bayang pada arca adalah suatu perkara yang telah diterokai oleh beberapa pengarca seperti Kumi Yamashita, Rook Floro, Tim Noble dan Sue Webster, serta beberapa pengarca lain. Secara umumnya bayang adalah sesuatu fenomena yang biasa dalam konteks galeri atau ruang terbuka luar galeri. Namun, apabila ia dijadikan sebagai sebahagian dari persembahan karya ia mungkin akan memberi satu pertimbangan tertentu dalam gagasan antara arca dan bayang bagi memenuhi konsep dan kontek dalam berkarya.

Kumi Yamashita

Seorang artis dari New York kelahiran Jepun, Kumi Yamashita merupakan seorang artis yang banyak menggunakan fokus kepada objek dan bayang di dalam karyanya. Dalam kenyataan beliau, Kumi Yamashita (2014), '*I take objects and carve and place them in relation to a single light source. The complete artwork is therefore comprised of both the material (the solid objects) and the immaterial (the light or shadow)*'. Kenyataan ini menjelaskan bagaimana gabungan objek dan bayang telah menjadikan visual yang dipaparkan menjadi sesuatu yang menarik dan memberi pengertian tersendiri.



Gambar 1

Kumi Yamashita memberikan cara yang unik untuk menghasilkan ekspresi artistik. Beliau membuktikan bahawa bahan untuk menghasilkan seni boleh dari pelbagai cara dan material. Beliau berjaya menggunakan aspek bayangan dari cahaya pada objek untuk menghasilkan hasil karya yang ekspresif dan bertenaga. Malahan beliau juga menambah dalam kenyataannya: '*Shadows – a great way of expression for people who have more faith in the variability of the surrounding world, rather than in its constancy,*' . Dengan jelas penampilan karyanya adalah saling melengkapi antara objek dan bayang. Yama Shita juga menulis, (2014), '*I sculpt shadow with light or sometimes light with shadow, but both function in essentially the same manner. I take objects and carve and place them in relation to a single light source. The complete artwork is therefore comprised of both the material (the solid objects) and the immaterial (the light or shadow)*'. Gabungan antara dua kaitan iaitu objek dan bayang memberi dualiti pemaknaan yang jelas malah ia menjadi aspek yang dikagumi di dalam karyanya.

Rook Floro



Gambar 2

Dalam karya bertajuk *Shadow*, Rook Floro menghasilkan karya arca hasil inspirasi dari ahli psikologi Carl Jung yang memberi penekanan kepada bayang-bayang diri. Ia memberi fokus kepada tema metamorfosis manusia yang terutamanya kepada perubahan dan aprisiasi diri. Beliau yang merupakan artis kelahiran Thailand dan

menetap di Birmingham United Kingdom, memberikan interpretasi pada dirinya sendiri dengan menampilkan karya yang seolah-olah mempunyai bayang pada arca yang dipersembahkan. Pada karya ini, kita dapat merasakan antara dua sifat (dualiti) yang lahir dari subjek yang sama. Dengan pengolahan dan penampilan karya yang hebat ini, memberikan ia kelebihan dan tenaga melalui aspek duo yang diketengahkan.

Tim Noble dan Su Webster



Gambar 3

Dua orang artis iaitu Tim Noble bersama Sue Webster menjadikan barang terpakai ataupun sampah sarap lusuh untuk menghasilkan karya. Kehebatan karya ini bukan setakat dari bahan yang digunakan tetapi penggunaan pencahayaan dan bayang-bayang yang terhasil. Setiap hari sampah dikumpulkan sendiri oleh artis untuk dilonggokkan di dalam galeri, dipancarkan cahaya untuk menghasilkan bayang-bayang yang dikomposisikan menyerupai figura manusia dengan pelbagai aksi dan gaya.

Julie Simmons


Julie Simmons banyak menggunakan wayar *mesh* untuk menghasilkan karya berbentuk figuratif untuk menghasilkan karya berbayang yang sangat menarik. Kenyataan Julie Simmons (2013) : '*The human form has always been one of my interests. In these sculptures I am using wire mesh to express these beautiful shapes and forms. While the sculpture itself is quite realistic, a proper light source creates shadows with even more realism and detail than the sculpture itself.*' Kenyataan beliau menjelaskan bagaimana bayang yang terhasil dalam karyanya menjadi aspek yang lebih hebat jika dibandingkan dengan keadaan arca yang sedia ada. Beliau juga menambah: '*The wire mesh sculptures seen here have been photographed without shadows in most cases. Shadows in a photograph can create confusion but in reality the shadows fill the space and appear as a photo or drawing of a real person.*' Julie menjelaskan adakah bayang yang wujud dalam karyanya dapat mewujudkan satu suasana sebenar secara realiti kepada seseorang.



Gambar 4

Fred Eerdekkens

Antara artis lain yang menggunakan bayang-bayang sebagai subjek karya adalah Fred Eerdekkens seorang artis dari Belgium. Subjek beliau banyak menggunakan objek seperti tumbuhan pokok, wayar dan objek-objek yang dapat menghasilkan karya yang menggambarkan perkataan pada bayang-bayang.



Gambar 5

Perkataan yang wujud secara tidak langsung dari pencahayaan ini memberikan keistimewaan kepada karya beliau kerana membawa makna yang lebih mendalam apabila ia dipersembahkan dengan keadaan tersebut.

Penghasilan Karya - Studio Praktik


Kajian penyelidikan ini akan dilaksanakan mengikut fasa-fasa berdasarkan kepada kaedah penyelidikan studio praktis. Pendekatan yang akan digunakan adalah melalui eksplorasi medium seni arca dan kajian akan bertumpu kepada penggunaan bahan (pembinaan bentuk), penggunaan cahaya, dan hasil bayang-bayang yang terbentuk dapat menghasilkan satu perkaitan kepada persoalan dualisme dalam pernyataan kendiri. Dalam proses penghasilan, satu kaedah menginterpretasi akan dilakukan untuk mendapatkan hasil baru pada penerokaan kepada permasalahan isu yang dipersembahkan melalui kaedah visual seni arca. Medium arca yang digunakan akan mengkaji isu-isu yang dualisme diketengahkan melalui proses pembinaan yang

bertumpu kepada penggunaan bahan (pembinaan bentuk), penggunaan cahaya, dan penghasilan bayang-bayang yang terbentuk. Tiga elemen dalam arca iaitu bentuk, cahaya dan bayang akan digunakan sebagai metafora kepada penyelesaian kepada isu dualisme dalam personaliti. Pemilihan *subject matter* atau objek kajian akan memberikan satu analogi kepada pernyataan kendiri yang dapat menghasilkan satu perkaitan kepada persoalan dualisme yang mencerminkan personaliti.

Melalui tema dan isu yang diketengahkan dalam penyelidikan ini, satu proses pengkajian dalam studio akan dijalankan. Pengkajian menumpukan kepada aspek pernyataan kendiri yang dapat dimanipulasi daripada subjek kajian dalam media sosial *Facebook*. Subjek dan imej-imej terpilih yang mempunyai potensi kepada identiti dualisme akan digunakan menjadi subjek kajian dalam pengolahan seni arca. Proses ini mengalami 3 peringkat penghasilan iaitu proses pertama - mencari data dan lakaran awal, proses kedua - penyesuaian bahan dan komposisi dan proses ketiga - instalasi dan persembahan.

Dalam proses pertama penyelidik melakukan pemerhatian dan mencari subjek foto yang menepati dengan ciri-ciri dualiti dipilih dari beberapa orang pengguna dalam *Facebook* yang berkomunikasi dalam satu rangkaian komunikasi dalam kumpulan. Pemilihan subjek dan ciri-ciri menggunakan teori The Big Five dalam psikologi untuk menentukan personaliti tersebut. Dalam proses ini gambar terpilih akan dikelaskan dan dicetak mengikut saiz dan ukuran yang ditetapkan.

Dalam proses kedua pula, satu kajian lakaran komposisi dan pembentukan gagasan 3 dimensi arca dilakukan untuk menepati ciri-ciri penceritaan yang akan disampaikan. Antara perkara yang cuba difokuskan adalah subjek ini adalah satu komunikasi siber yang mempunyai rangkaian dan jaringan dari pembentukan satu kumpulan pengguna. Dalam proses ketiga iaitu instalasi dan persembahan, aspek persembahan dalam suasana ruang dan dinding akan ditentukan untuk memberikan kesan yang paling sesuai untuk mewujudkan aspek dualiti yang menjadi fokus penghasilan. Melalui penggunaan cahaya akan dapat mewujudkan satu lagi duplikasi kumpulan seolah-olah ia wujud dalam keadaan bayangan (maya).



Tajuk : Pertembungan - Jaringan Maya
Tahun : 2014
Medium : Media campuran
Ukuran : 36" x 36" x 36"

KESIMPULAN

Dalam memahami tingkah laku masyarakat, kita akan melihat budaya yang mengalami pembangunan bukan sahaja melalui perubahan struktur identitinya tetapi turut menjadikan nilai baru yang telah mengambil alih struktur budayanya. Dengan kemodenan, serta teknologi yang telah ada dalam kehidupan kita, ia menyumbang kepada faktor pertembungan dan konflik yang memungkinkan mewujudkan satu situasi dualiti.

Melalui *Facebook* kita dapat melihat sifat-sifat dualisme berlaku dalam kehidupan dan memungkinkan ia akan mengalami pembaharuan dan peningkatan. Dalam satu pemahaman yang ringkas, dualisme adalah perlakuan pemikiran yang wujud sama ada berlaku secara sengaja atau tidak sengaja dalam masyarakat. Ia kadangkala bersifat kompleks dan mempunyai pola-pola struktur yang memberikan identiti dan ciri-ciri yang menjadi pengenalan kepada kelompok masyarakat. Perlakuan-perlakuan individu dalam masyarakat tersebut secara tidak langsung akan melalui satu perubahan. Banyak perkara akan terpengaruh, meliputi aspek-aspek perlakuannya dan cara kehidupannya.

Gaya penampilan dan personaliti pengguna mempunyai pengaruh baik secara sedar ataupun tanpa disedari. Keadaan tersebut jelas ada melalui hasil dan ekspresi yang dipaparkan oleh mereka. Tidak kira lah budaya tersebut berasaskan material atau tidak, ia tetap dikatakan sebagai budaya kerana ianya merupakan himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang dapat memenuhi kehendak biologi dalam masyarakat itu sendiri.

Personaliti dan ekspresi kendiri itu sebenarnya terbentuk oleh proses yang berlaku oleh kerana persekitarannya, peristiwa-peristiwa semasa dan hubungannya dengan sekelilingnya. Begitu juga kemudahan teknologi dan impaknya kepada masyarakat. Namun begitu perubahan dan perkembangan budaya memang susah untuk dielakkan. Pertembungan budaya tradisi dan moden memang berlaku bersifat evolusi secara perlahan. Dalam situasi ini personaliti yang terdapat dalam masyarakat akan mengalami situasi yang lebih kompleks kerana ia mungkin dianggap sebagai kejutan budaya. Kekeliruan juga akan berlaku, dan ketika ini ekspresi kendiri ini secara tidak langsung akan mengalami proses peralihan mengadaptasi kemajuan yang baru.

Individu melihat kepada alam sekelilingnya, belajar dan bertindak balas secara semulajadi. Sekeliling mereka adalah keluarga, rakan sepergaulan, teknologi serta kemudahan lokal yang disediakan hasil daripada pembangunan. Seiring dengan peredaran masa, personaliti mengalami perubahan, perkembangan dan pembangunan. Selain dari faktor-faktor baka dan genetik, proses pengalaman yang dilalui oleh individu itu sendiri adalah perkara yang menyumbang pembentukan personaliti. Perwatakan dan keperibadian terbentuk oleh kehidupan dan proses-proses ini bukan setakat yang membentuk jiwa, emosi perasaan dan pemikiran malah akan membentuk sifat dan ciri-ciri penampilan.

Melalui proses penyelidikan personaliti melalui kaedah penghasilan arca ini, ia memberikan pelbagai dimensi kemungkinan dan potensi untuk kita mentafsir ekspresi dan dualiti. Namun ia menjadi satu cara untuk kita memberi aspirasi dan melahirkan interpretasi tersendiri daripada data-data dan subjek di sekeliling kita sendiri.

RUJUKAN

- Allport, G. W. (1961). *Pattern and growth in personality*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Anthony, E. (2009). *Contemporary social theory, an introduction*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Barbara, E. (2009). *Personality theories*. Boston: Houghton Mifflin Harcourt Publishing Company.
- Barnhisel, G. (2012). *Connecting with culture*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Burton, G. (2010). *Media & society critical perspective*. London: Mc Graw Hill.
- Campanelli, V. (2010). *Web Aesthetics; How digital media affect culture and society*. Rotterdam: Nai Publishers Institute of Network Culture.
- Caputo, J. S., Hazel, H. C. & Mahon, C. M. (1994). *Interpersonal communication*. Boston: Allyn and Bacon.
- Crow, D. L. & Crow, A. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daphene, H., & Maggie W. (2009). *Social inequility in Australia, discourse, reality & future*. Australia: Oxford University Press.
- Dennis, E. E. & Defleur, M. L. (2010). *Understanding media in the digital age*. London: Pearson Education, Inc.
- Devito, J. A. (2009). *The interpersonal communication book*. Indianapolis, Indiana: Pearson.
- Direnzo, G., J. (1990). *Human social behavior: Concepts and principles of sociology*. Florida: Holt, Renehart and Winston, Inc.
- Hartly, J. (2012). *Digital future for culturel and media studies*. West Sussex: Wiley Blackwell.
- Heron, J. (1992). *Feeling personhood, psychology in another key*. London: Sage Publication.
- Howard, P. N. & Jones, S. (2004). *Soceity online; The internet in context*. London: Sage Publication.
- Ismail, A. (2009). *Seni budaya media dan konflik jati diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jesse, Y. (2005). *Shade of experience*. Duonyms Flow Research.
- Koeswara, E. (1986). *Teori-teori keperibadian*. Bandung: Pt. Eresco.
- Larry, A. H., & Daniel, J. Z. (1981). *Personality theories, basic assumsuption, research and application*. St Louis: McGraw-Hill Book Company.
- Manuel, C. (1996). *The rise of the network soceity, the information age: economy, soceity and culture*. United Kingdom: Blackwell.
- Marvin, H. (1980). *Cultural materialism: The struggle for a science of culture*. New York: Vintage Books, A Division of Random House.
- Medoff, N. J., & Kaye, B. K. (2011). *Electronic media; Then, now, and later*. Oxford: Focal Press.
- Mia, C., & Charles, E. (2011). *The handbook of internet studies*. Wiley Blackwell.
- Micheal, K., & Amy, A. (2012). *Sociology now*. Boston: Allyn & Bacon.
- Micheal, M. (2012). *Facebook for Grown-ups*. Indianapolis, Indiana: Pearson Education Inc.
- Miller, D. (2011). *Tales from facebook*. Cambridge: Polity Press.
- Miserandino, M. (2012). *Personality psychology; Foundation and finding*. New York: Pearson.
- Mitchell, S. G. (2012). *Self-expression*. Oxford: Clarendon Press.
- Mokhtar, M. (2004). *Komunikasi perubahan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA Universiti Teknologi MARA.
- Nayar, P. K. (2010). *An introdiction to new media and cybercultures*. Oxford: Wiley Blackwell.
- Patrick, F. (2009). *Prebles' art forms, an introduction to the visual arts*. London: Pearson Education, Inc.

- Phares, E. J. (1988). *Introduction to personality*. Glenview Illinois: Scott, Foresman and Company.
- Preble, D., Preble, S., & Frank P. (1999). *Art forms: An Introduction to the visual arts, addision*. Boston: Wesley Educational Publishers Inc.
- Press, A. L. (2010). *The new media environment - An introduction*. New Jersey: Wiley Blackwell.
- Salvatore, R. M. (1989). *Personality theories, a comparative analysis*. New York: The Dorsey Press.
- Schultz, D. P. (1986). *Theories of personality*. Chicago: Wadsworth, Inc. Belmont.
- Sparks, G. G. (2006). *Media effects research; A basic overview*. London: Thomson & Wadsworth.
- Sullivan, G. (2005). *art practice as research: Inquiry in the visual arts*. London: Sage Publication.
- Winston, B. (2005). *Massages; Free expression, media and the west from Gutenberg to Google*. New York: Routledge.
- Wood, J. T. (2012). *Communication in our lives*. London: Wadsworth Cancage Learning.

Website / Webpage

- Kumi Yamashita. (2014). *Kumi Yamashita*. Retrieved June 20, 2014 from <http://www.kumiymashita.com/>
- Julie Simmons. (2013). Nude sculpture. Retrieved April 2013, from <http://www.juliesimmons.com/JulieSimmons/WireSculpture.htm>
- Claire A. (February 28 2013). *Yinka Shonibare: The Banksy of sculpture on his split personality*. Retrieved April 20, 2013 from <http://metro.co.uk/2013/02/28/yinka-shonibare-the-banksy-of-sculpture-on-his-split-personality-3518844/>
- Moshman, J. (2009). Online social networking and NGOs. Retrieved April 20, 2013 from [http://www.docstoc.com/docs/60703053/Online-Social-Networking-\(PDF\)](http://www.docstoc.com/docs/60703053/Online-Social-Networking-(PDF))
- Katie, H. (August 11, 2012). *Two sides of personality dramatically rise to the surface*. Retrieved April 20, 2013 from <http://www.mymodernmet.com/profiles/blog/list?tag=Miki+Takahashi>
- Kendra, C. & Potter, C. J. (2009) *Personality and facebook: Personality's influence on Social networking*. Retrieved May 14, 2013 from <http://www.wilmington.edu/social-political/documents/PersonalityandFacebook.pdf>
- Margherita, P., Charles, F., & Ronald, E. G. (2011). *The influence of personality on active and passive use of social networking sites*. Retrieved May 14, 2013 from http://didattica.unibocconi.it/mypage/upload/49401_20111024_093111_20395_FTP.PDF
- Roy, S. (June 3 2012). FACE IT! Dimensional ceramic wall sculptures by New York artist Allen Littlefield. Retrieved April 20, 2013 from www.sapergalleries.com/Littlefield.html
- Samuel, D., Gosling, S., & Gaddis, S.V. (2007). *Personality impressions based on facebook profiles*. Retrieved May 14, 2013 from <http://www.icwsm.org/papers/3--Gosling-Gaddis-Vazire.pdf>
- Yoram, B., Michal, K., Thore, G., Pushmeet, K. & David, S. (June 22-24 2012). *Personality and patterns of facebook usage*. Retrieved May 14, 2013 from http://research.microsoft.com/pubs/163535/FacebookPersonality_michal_29_04_12.pdf
- List of social networking websites*. Retrieved April 18, 2013 from http://en.wikipedia.org/wiki/List_social_networking_websites
- The Interaction between personality, social network position and involvement in the innovation process*. Retrieved Mac 4, 2013 from <https://faculty.fuqua.duke.edu/oswc/2010/Proposals/Dolgova.pdf>
- Top 15 most popular social networking sites/June 2013*. Retrieved June 15, 2013 from <http://www.ebizmba.com/articles/social-networking-websites>